

## LAMPIRAN

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK KETERANGAN LANJUT, HUBUNGI:
<p><b>UDA HOLDINGS BERHAD</b></p>	<p>(i) Memberi pengecualian sewa:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyewa tetap yang <b>tidak mampu</b> menjalankan operasi perniagaan – 1 bulan.</li> <li>• Penyewa tetap yang <b>mampu</b> menjalankan operasi perniagaan (barang keperluan) – setengah bulan.</li> <li>• Penyewa tidak tetap diberi pengecualian sehingga 1 bulan sewa atau baki sewaan bagi tempoh sewaan yang kurang dari 1 bulan.</li> </ul> <p>(ii) Penyewa tetap dibenarkan mempunyai sewa tertunggak sehingga 3 bulan - berkuatkuasa sehingga 30 September 2020.</p> <p>(iii) Insentif ini melibatkan kos sebanyak RM4juta yang melibatkan 800 penyewa tetap dan 700 penyewa sementara (ruang promosi, kiosks dan booth karnival).</p>	<p>En. Mohd Nazri Jamiran Naib Presiden Kanan Bahagian Mall UDA Holdings Berhad Emel: mnazri@udanet.com Tel: 012-7712442</p>
<p><b>TEKUN NASIONAL</b></p>	<p>(i) Penangguhan Bayaran Balik Pembiayaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua usahawan TEKUN diberi penangguhan bayaran balik pembiayaan maksimum sehingga 6 bulan secara AUTOMATIK mulai 1 Mac 2020.</li> <li>• Syarat kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Usahawan masih dalam tempoh pembiayaan;</li> <li>ii) Pembiayaan tidak tertunggak melebihi 6 bulan pada Feb 2020.</li> </ul> </li> </ul>	<p>Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui media sosial rasmi TEKUN atau Sistem Maklum Balas TEKUN Nasional di <a href="http://fems.tekun.gov.my/">http://fems.tekun.gov.my/</a></p>

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK KETERANGAN LANJUT, HUBUNGI:
	<p>(ii) Bantuan Pembiayaan Sehingga Maksimum RM10,000</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan berbentuk pembiayaan bertindih (overlapping) dengan penambahan amaun pembiayaan daripada baki pembiayaan sedia ada boleh diberikan kepada usahawan TEKUN Nasional yang terjejas dengan nilai maksimum sehingga RM10,000.</li> <li>• Syarat kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Semua usahawan TEKUN yang terjejas dengan penularan wabak COVID 19 dan mempunyai rekod bayaran balik yang baik.</li> <li>ii) Usahawan TEKUN yang melakukan penjadualan semula LAYAK memohon sekiranya mempunyai rekod bayaran balik yang baik.</li> <li>iii) Usahawan yang telah dikategorikan sebagai Hutang Lapuk TIDAK LAYAK memohon.</li> </ul> </li> <li>• Permohonan boleh dibuat selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)</li> </ul> <p>(iii) Pengeluaran Penuh Simpanan Usahawan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usahawan dibenarkan dengan pengecualian khas untuk mengeluarkan keseluruhan simpanan.</li> <li>• Syarat kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pengeluaran simpanan adalah tertakluk kepada baki simpanan pembiayaan terdahulu dan pengeluaran simpanan bagi pembiayaan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui media sosial rasmi TEKUN atau Sistem Maklum Balas TEKUN Nasional di <a href="http://fems.tekun.gov.my/">http://fems.tekun.gov.my/</a></p> <p>Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui media sosial rasmi TEKUN atau Sistem Maklum Balas TEKUN Nasional di <a href="http://fems.tekun.gov.my/">http://fems.tekun.gov.my/</a></p>

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK KETERANGAN LANJUT, HUBUNGI:
	<p>semasa (sekiarannya ada) adalah tidak dibenarkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan boleh dibuat selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)</li> </ul> <p>(iv) Penjadualan Semula</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarat kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Ditawarkan kepada usahawan TEKUN yang telah tamat tempoh pembiayaan dan perniagaan turut terjejas akibat Covid-19.</li> </ul> </li> <li>• Permohonan boelh dibuat selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)</li> </ul>	<p>Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui media sosial rasmi TEKUN atau Sistem Maklum Balas TEKUN Nasional di <a href="http://fems.tekun.gov.my/">http://fems.tekun.gov.my/</a></p>
<b>MAGIC</b>	<p>(i) Pengecualian sewa selama 5 bulan kepada penyewa Co-Working Space (CWS) di MAGIC, Cyberjaya dan B744 Kuching. Seramai 50 usahawan menerima manfaat ini.</p> <p>(ii) Latihan dan program keusahawanan dan perniagaan ditawarkan secara atas talian seperti Program SETia (Social Entrepreneurs Transformation, Innovation &amp; Acceleration)</p>	<p>Email : <a href="mailto:enquiries@mymagic.my">enquiries@mymagic.my</a></p> <p>Facebook: <a href="https://www.facebook.com/mymagic.my/">https://www.facebook.com/mymagic.my/</a> Handle: @mymagic.my</p> <p>Twitter: <a href="https://twitter.com/mymagic_my">https://twitter.com/mymagic_my</a> Handle: @mymagic_my</p> <p>Instagram: <a href="https://www.instagram.com/magiccyberjaya/">https://www.instagram.com/magiccyberjaya/</a> Handle: @magic_cyberjaya</p>
<b>INSKEN</b>	<p>(i) Menawarkan program latihan dan bimbingan keusahawanan secara atas talian secara percuma.</p> <p><b>INSKEN BizLive (sehari 2 kali)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sasaran 1,000 usahawan setiap sesi (FB Live, BisKaunselor beri sesi secara CSR)</li> <li>• Bimbingan atas talian dilaksanakan oleh Biz Kaunselor dan Pembimbing Industri.</li> </ul>	<p>Sebarang persoalan dan pertanyaan lanjut, anda boleh menghubungi pegawai dibawah atau boleh juga mendapatkan info lanjut di media sosial INSKEN <a href="http://www.facebook.com/inskenofficial">www.facebook.com/inskenofficial</a></p> <p><b>Program Pementoran :</b> Dr Maizura Mohamad 016212 4582</p> <p><b>Program Latihan :</b> Puan Norasiah Harun 019-359 5900</p>

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK KETERANGAN LANJUT, HUBUNGI:
	<p><b>INSKEN Business Coaching &amp; Business Enhancement Programme (Bimbingan 4 bulan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sasaran 20 usahawan untuk setiap cohort (32 cohort sepanjang tahun 2020)</li> <li>• 4 sesi bagi setiap bulan untuk 4 bulan</li> <li>• Jumlah kos RM4juta</li> <li>• Membuat pemulangan semula yuran pendaftaran bagi kursus yang dibatalkan.</li> </ul> <p><b>13 sesi Latihan Keusahawanan dibatalkan (bagi tempoh 18 Mac – 18 April)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 30 usahawan terjejas bagi setiap kelas (13 sesi sehingga 18 April)</li> </ul>	<p><b>BisKaunselor :</b> Encik Fais Azlan 019-221 1209</p>
<b>IKM</b>	<p>(i) Menawarkan kursus online secara percuma kepada anggota lembaga koperasi seluruh Malaysia bermula 18 Mac hingga 31 Disember 2020.</p>	<p>Maklumat lanjut sila hubungi : Puan Azlifah (013-3504948) Puan Aslamiah (019-3442803)</p> <p>Urusetia VLMS, Pusat Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi ICT)</p>
<b>SKM</b>	<p>(i) Koperasi diberi perlanjutan tempoh tambahan tiga (3) bulan untuk mengadakan mesyuarat.</p> <p>(ii) Koperasi dibenarkan memohon penangguhan bayaran balik pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) dan apa-apa pembiayaan oleh SKM.</p> <p>(iii) Koperasi diberi pertimbangan pengurangan sewaan bangunan yang diurus SKM sehingga maksimum 50% untuk tempoh masa tertentu.</p>	<p>Untuk pertanyaan lanjut boleh hubungi what's app hotline ditalian 019-2445339 atau emailkan kepada <a href="mailto:webmaster@skm.gov.my">webmaster@skm.gov.my</a></p>

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK KETERANGAN LANJUT, HUBUNGI:
<b>BANK RAKYAT</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Menawarkan moratorium kepada individu dan syarikat dalam industri yang terjejas seperti penerbangan, pelancongan dan pengangkutan dengan tempoh tangguhan selama 6 bulan.</li> <li>(ii) Produk kad kredit-i menawarkan kadar keutungan serendah 9% untuk pengeluaran wang tunai berbanding 18% kadar sebelumnya (pengurangan sebanyak 50%).</li> <li>(iii) Menyediakan pembiayaan RM 200 juta bagi menampung keperluan koperasi, perusahaan mikro dan PKS bermula 23 Mac 2020 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.</li> </ul>	<p>Untuk sebarang keterangan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1300 80 5454 atau e-mel kami di <a href="mailto:telerakyat@bankrakyat.com.my">telerakyat@bankrakyat.com.my</a></p>
<b>SME BANK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Penagguhan Pembayaran Automatik. Semua pelanggan SME Bank secara automatik layak mendapat penagguhan pembayaran selama 6 bulan seperti yang diumumkan oleh BNM bermula 1 April 2020. Ini adalah tertakluk kepada akaun tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020.</li> <li>(ii) Kelonggaran Bayaran Sewa Kepada Penyewa Kompleks Premis Usahawan SME Bank (Entrepreneur Premises Complex - EPC). Seramai 248 penyewa di 454 lot Kompleks Premis Usahawan SME Bank di seluruh negara akan diberi penagguhan bayaran sewa sehingga enam bulan bermula 1 April 2020. Penjimatan kos operasi berjumlah RM2.3 juta.</li> <li>(iii) SME Bank juga akan mempertimbangkan untuk menjadual semula bayaran tertunggak bagi penyewa-penyewa yang mempunyai bayaran RM10,000 ke bawah berdasarkan kes-kes tertentu.</li> </ul>	<p>Untuk maklumat lanjut: Pusat Khidmat Pelanggan, 03 26037700 / layari <a href="http://www.smebank.com.my">www.smebank.com.my</a></p>

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK KETERANGAN LANJUT, HUBUNGI:
	<p>(iv) Penawaran dana Kemudahan Bantuan Khas (SRF) dalam bentuk pembiayaan sehingga RM1 juta untuk tempoh sehingga 5.5 tahun dengan kadar keuntungan yang kompetitif iaitu 3.5% kepada usahawan yang layak di bawah skim SRF yang diperuntukkan oleh BNM.</p> <p>(v) Penawaran kemudahan pembiayaan Agromakanan (Agrofood Facility, AF), bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan negara dan untuk eksport. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM5 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga lapan tahun. Kadar keuntungan pembiayaan ditetapkan tidak melebihi 3.75% setahun. Permohonan AF dibuka mulai 6 Mac 2020.</p> <p>(vi) Penawaran kemudahan pembiayaan Automasi dan Digital PKS (Automation and Digitalisation Facility, ADF) untuk menggalakkan PKS mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi mereka bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM3 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun. Kadar keuntungan pembiayaan adalah pada 4.00% setahun. Permohonan untuk ADF dibuka mulai 6 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.</p>	